

03 AUG 1996
Mahathir - Kekayaan
SEMUA RAKYAT BOLEH NIKMATI KEKAYAAN NEGARA

KUALA LUMPUR, 3 Ogos (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata semua rakyat tanpa mengira kaum dan kedudukan, mempunyai peluang yang luas untuk menikmati kekayaan negara.

Ini kerana pelbagai program yang dilaksanakan di negara ini terbuka kepada semua kaum termasuk masyarakat India untuk menyertainya, kata Perdana Menteri.

"Bahawa tidak adanya tumpuan khas untuk India Malaysia tidak bermakna tidak ada langsung tumpuan oleh kerajaan untuk mengatasi masalah orang India Malaysia," katanya ketika berucap merasmikan Perhimpunan Agung MIC yang ke-43 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata bahawa walaupun terdapat hanya seorang menteri daripada kaum India Malaysia dalam kabinet, penyertaannya amatlah besar dan tidak terhad kepada kementerianya saja.

Perasmian perhimpunan agung sempena 50 tahun penubuhan MIC itu turut dihadiri para pemimpin parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) yang lain termasuk Presiden MCA Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, Presiden Gerakan Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Naib Presiden Pesaka Bumiputera Bersatu Datuk Amar Dr Sulaiman Daud.

Perdana Menteri berkata tiada sesiapa boleh mendakwa tidak wujud peluang untuk rakyat merebut kekayaan di negara ini.

"Jika kita ingin kehidupan yang lebih baik, tiap seorang rakyat Malaysia hendaklah mampu mengganti dua atau tiga rakyat asing yang datang bekerja di sini. Sudah tentu pendapatan kita juga akan dapat dilipatgandakan," katanya.

Dalam hal ini, Dr Mahathir berkata semua rakyat perlu membuat persediaan yang rapi untuk merebut segala peluang supaya tidak ketinggalan daripada arus kemajuan.

Ini menjadi lebih penting dalam era yang sangat menitikberatkan pembangunan teknologi canggih serta pembangunan industri yang kompetitif, dinamik dan cekap, katanya.

"Sementara kerajaan berhasrat untuk melihat masyarakat India turut sama melangkah ke depan dengan kaum-kaum lain, mereka juga hendaklah melayakkan diri dengan ilmu pengetahuan dan kecekapan," katanya.

Dr Mahathir berkata masyarakat India juga telah banyak mendapat faedah daripada hasil pembangunan pesat negara.

Sebagai contoh, kadar kemiskinan di kalangan mereka turun daripada 8 peratus pada 1990 kepada 2.3 peratus pada 1995 manakala pada tahun lepas, lebih separuh (53.3 peratus) masyarakat India termasuk dalam golongan kumpulan pertengahan yang berpendapatan antara RM1,000 dan RM3,000 sebulan.

Daripada segi kadar pertumbuhan purata tahunan pendapatan isi rumah bagi tempoh 1990-1995, Perdana Menteri berkata masyarakat India adalah yang tertinggi iaitu 10.1 peratus berbanding 10 peratus bagi kaum Cina dan 9.3 peratus bagi Bumiputera.

Dalam tempoh itu juga, beliau berkata pertumbuhan purata tahunan pemilikan ekuiti korporat oleh kaum India mencapai 20.6 peratus berbanding 12.1 peratus bagi Bumiputera dan 8.3 peratus bagi kaum Cina.

"Jumlah ekuiti korporat yang dipegang oleh kaum India pula telah meningkat lebih sekali ganda iaitu daripada RM1,100 juta pada 1990 kepada RM2,700 juta pada 1995. Daripada segi kadar pertumbuhan bagi tahun 1991-1995, kaum India adalah kedua yang paling cepat," katanya.

Perdana Menteri berkata statistik itu jelas menunjukkan bahawa

masyarakat India tidak ketinggalan dalam arus pembangunan negara seperti mana yang sering diperkatakan, malahan statistik juga menunjukkan masyarakat India yang paling banyak mendapat manfaat daripada beberapa rancangan kerajaan.

"Hanyalah oleh kerana asasnya kecil maka pertumbuhan yang tinggi pun masih meletakkan kedudukan orang India di Malaysia pada taraf yang belum memuaskan.

"Namun pertumbuhan yang lebih tinggi daripada kaum lain jika diteruskan akan membolehkan kaum India Malaysia mengejar kaum-kaum lain," katanya.

Sehubungan itu, Dr Mahathir berkata masyarakat India juga perlu pembaharuan budaya untuk berganding bahu dengan kaum-kaum lain dalam membangunkan negara.

Apabila rakyat memahami kepentingan negara mendahului kepentingan diri atau kepentingan satu-satu kaum maka ia akan akhirnya memenuhi kepentingan tiap-tiap kaum, katanya.

Perdana Menteri berkata perkara itu mungkin satu paradoks atau keganjilan tetapi ia benar kerana di mana juga terdapat kaum-kaum mengutamakan kepentingan diri secara keterlaluan, seperti di Ireland Utara dan Yugoslavia, akhirnya tidak menghasilkan apa-apa.

"Adalah lebih baik mendapat separuh daripada menuntut semua tetapi akhirnya tidak mendapat apa-apa...Oleh itu kita tidak harus membuat apa-apa yang boleh mengancam kestabilan politik atau perpaduan kaum," katanya.

Dr Mahathir berkata tidak ada sesuatu yang lebih penting untuk kemajuan negara daripada kestabilan politik tetapi ia juga tidak bermakna pertukaran daripada segi dasar atau kepimpinan tidak diperlukan.

"Pertukaran boleh dibuat asalkan ia dibuat secara tersusun dan teratur, aman dan selamat. Bahawa tidak adanya pertukaran walaupun pertukaran boleh dibuat tidak bermakna politik negara tidak sihat dan tidak demokratik," katanya.

Bagaimanapun beliau berkata pertukaran jika dibuat hanya kerana inginkan pertukaran maka ia bukan sahaja tidak berfaedah dan tidak produktif malah ia juga tidak bermakna demokrasi telah dilaksanakan.

-- BERNAMA.

AH RON